

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil daripada bancian yang telah dilaksanakan oleh ESSCOM di Perkampungan Air di Sabah menunjukkan 58 peratus penduduk adalah bukan warganegara, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menstruktur semula perkampungan air di Sabah dan mempertahankan warisan perkampungan air.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan agar Perkampungan Air di Sandakan dan Semporna dijadikan sebagai projek perintis penempatan semula perkampungan air di Sabah. Sehubungan itu, seramai 1,371 ketua keluarga di Semporna dan 2,089 ketua keluarga di Sandakan yang merupakan warganegara Malaysia akan dipindahkan ke kawasan penempatan baru di daratan yang lebih tersusun dan selamat. Perpindahan penduduk perkampungan air ke penempatan baru di daerah berkenaan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Bagi daerah Semporna, seramai 832 ketua keluarga akan dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Bubul Lama yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2016 manakala baki 539 buah keluarga pula akan untuk dipindahkan ke kawasan DUN Bugaya.

Bagi daerah Sandakan, ESSCOM telah mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perumahan Negara (JPN) supaya mempertimbangkan permohonan untuk membeli sebanyak 1,174 unit rumah pangsa yang berkeluasan antara 700-750 kaki per segi yang ditawarkan oleh Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) dan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi tujuan penempatan semula empat (4) buah perkampungan air iaitu Kampung Forest (*Good View*), Kampung Cahaya Baru, Muhibbah dan Mangkalinau.

Pihak Jawatankuasa Penempatan Semula Perkampungan Air ESSZONE akan merancang dan membincangkan tindakan selanjutnya berhubung penempatan semula baki 889 keluarga di Sandakan dan 539

keluarga di Semporna. Memandangkan terdapat lebih daripada 300 perkampungan air di ESSZONE yang melibatkan 126,000 penduduk, maka ESSCOM telah memutuskan bahawa hanya perkampungan air berdekatan dengan sempadan antarabangsa yang mempunyai peratus Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan indeks jenayah yang tinggi akan dipindahkan.

Memandangkan perkampungan air merupakan satu cara hidup warisan negeri Sabah, maka beberapa perkampungan air akan dinaik taraf dengan infrastruktur yang lebih baik dan bersih daripada PATI. Perkampungan air ini akan distruktur semula melalui penempatan baru atau penaiktarafan. ESSCOM mengguna pakai model PFI (*Private Financial Incentive*) iaitu pemaju swasta dipilih bagi memajukan kawasan perkampungan air yang dikosongkan dengan membina penempatan baru di lokasi dengan menggunakan kos yang sesuai serta berpatutan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 76

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) tentang peranan dan tanggungjawab Kementerian ini selepas kewujudan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (SPM), adakah ini mengakibatkan kuasa dan tanggungjawab YB Menteri telah dikurangkan;
- (b) nyatakan semua asas-asas pertimbangan tentang kewujudan kedua-dua suruhanjaya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kewujudan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah untuk menjalankan tugas sebagai badan kawal selia ekonomi pengangkutan awam darat meliputi pengangkutan keretapi, bas, teksi dan pengangkutan barang yang menggunakan jalan raya atau keretapi yang sebelum ini dibawah pelbagai agensi terutamanya Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Jabatan Keretapi.

Kementerian Pengangkutan masih bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan dasar, strategi dan program sektor pengangkutan yang meliputi pengangkutan darat, maritim dan udara. Perkara-perkara lain berkenaan pengangkutan awam seperti pelesenan pemandu, pendaftaran kenderaan termasuk pemeriksaan kenderaan di Puspakom masih lagi kekal di bawah bidang kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Suruhanjaya Penerbangan Awam yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pengangkutan terletak di bawah seliaan YB Menteri Pengangkutan. Oleh yang demikian, soal pengurangan kuasa dan tanggungjawab YB Menteri Pengangkutan tidak wujud.

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Penerbangan Awam ini antara lain berperanan untuk menjalankan tugas sebagai sebuah badan kawal selia ekonomi industri penerbangan yang merangkumi lesen penerbangan, bayaran lapangan

terbang, peruntukan laluan udara, penyelesaian pertikian dan perlindungan hak pengguna. Suruhanjaya ini juga akan turut menguruskan keupayaan dan persaingan di dalam sektor penerbangan negara bagi menaik taraf perkhidmatan industri terbabit.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : LISAN
- DARIPADA** : DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]
- TARIKH** : 28 MEI 2015 (KHAMIS)
- SOALAN** : Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-
- (a) keluasan tanah terbiar di seluruh negara mengikut negeri dan daerah; dan
 - (b) perancangan-perancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membangunkan tanah-tanah terbiar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Tanah terbiar yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan adalah seluas 119,273 hektar di Semenanjung dan 34,946.30 hektar di Sarawak. Manakala di Negeri Sabah, kerja-kerja verifikasi kawasan sedang dijalankan bagi mengenal pasti tanah terbiar yang terlibat. Pecahan tanah terbiar mengikut negeri dan daerah/bahagian adalah seperti berikut:

PERLIS

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BESERI	24	18.89
2	CHUPING	3	3.51
3	HUTAN AJI	5	4.08
4	KUALA PERLIS	4	3.64
5	KURONG ANAI	2	1.78
6	ORAN	6	9.25
7	PAYA	1	0.82
8	PAYA	2	1.59
9	TITI TINGGI	8	10.97
JUMLAH NEGERI PERLIS		55	54.53

KEDAH

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BALING	735	837.45
2	BANDAR BARU	37	57.43
3	KUBANG PASU	216	540.87
4	KULIM	286	636.22
5	POKOK SENNA	112	149.48
6	KUALA MUDA	880	2,300.23
7	LANGKAWI	421	513.90
8	PENDANG	43	43.11
9	PADANG TERAP	52	62.82
10	SIK	266	345.50
11	YAN	17	31.98
JUMLAH NEGERI KEDAH		3,065	5,518.99

PULAU PINANG

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BARAT DAYA	105	95.30
2	SEBERANG PERAI SELATAN	25	161.44
3	SEBERANG PERAI TENGAH	121	152.47
4	SEBERANG PERAI UTARA	17	10.10
JUMLAH NEGERI PULAU PINANG		268	419.31

PERAK

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BATANG PATANG	1,090	3,212.89
2	HILIR PERAK	520	848.37
3	HULU PERAK	372	390.62
4	KERIAN	361	760.09
5	KINTA	1,153	5,672.71
6	KUALA KANGSAR	297	467.87
7	LARUT MATANG	387	527.92
8	PERAK TENGAH	451	1,361.79
9	MANJUNG	317	978.87
10	SELAMA	266	285.80
JUMLAH NEGERI PERAK		5,214	14,506.93

SELANGOR

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	GOMBAK	232	490.13
2	HULU SELANGOR	1,108	2,520.62
3	HULU LANGAT	486	823.12
4	KUALA SELANGOR	93	1,873.98
5	KLANG	257	1,229.39
6	KUALA LANGAT	155	1,199.95
7	PETALING	137	367.13

8	SABAK BERNAM	156	231.26
9	SEPANG	406	659.46
JUMLAH NEGERI SELANGOR		3,030	9,395.04

NEGERI SEMBILAN

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	JELEBU	693	1,365.24
2	JEMPOL	714	1,058.59
3	KUALA PILAH	2,254	2,305.73
4	PORT DICKSON	811	1,032.75
5	REMBAU	1,136	1,512.70
6	SEREMBAN	372	724.50
7	TAMPIN	424	2,309.63
JUMLAH NEGERI SEMBILAN		6,404	10,309.14

MELAKA

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	ALOR GAJAH	1,452	2,005.83
2	JASIN	480	773.42
3	MELAKA TENGAH	636	850.72
JUMLAH NEGERI MELAKA		2,568	3,629.97

JOHOR

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BATU PAHAT	1,322	1,661.04
2	JOHOR BAHRU	394	465.36
3	KULAI JAYA	294	660.42
4	KLUANG	797	1,716.72
5	KOTA TINGGI	2,185	5,855.96
6	MERSING	1,190	4,042.85
7	LEDANG	173	373.21
8	MUAR	602	1,001.24
9	PONTIAN	371	594.11
10	SEGAMAT	742	1,484.02
JUMLAH NEGERI JOHOR		8,070	17,854.93

PAHANG

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BENTONG	338	1,424.16
2	BERA	988	1,169.14
3	JERANTUT	1,649	2,219.56
4	KUANTAN	2,252	7,690.04
5	LIPIS	2,989	4,926.89
6	MARAN	2,409	3,493.48
7	PEKAN	3,429	4,049.80

8	RAUB	622	1,525.85
9	ROMPIN	413	2,060.28
10	TEMERLOH	4,421	5,734.07
JUMLAH NEGERI PAHANG		19,510	34,293.27

TERENGGANU

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BESUT	1,003	1,024.51
2	DUNGUN	1,730	2,019.51
3	HULU TERENGGANU	1,973	2,001.87
4	KEMAMAN	748	1,122.08
5	KUALA TERENGGANU	1,634	1,641.34
6	MARANG	2,632	2,452.53
7	SETIU	1,880	2,047.38
JUMLAH NEGERI TERENGGANU		11,600	12,309.22

KELANTAN

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	BACHOK	771	653.33
2	GUA MUSANG	25	123.60
3	JELI	247	353.30
4	KOTA BHARU	436	385.08
5	KUALA KRAI	319	531.99

6	MACHANG	1,311	1,090.58
7	PASIR MAS	1,835	2,074.78
8	PASIR PUTEH	2,597	2,640.47
	TANAH MERAH	677	597.88
10	TUMPAT	437	456.02
JUMLAH NEGERI KELANTAN		8,655	8,907.03

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

BIL.	DAERAH	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	KG. BELUKUT	7	6.46
2	KG. DURIAN TANJONG	20	36.99
3	KG. GANGGARAK/ KG. MERINDING	65	94.79
4	KG. LAJAU	38	48.18
5	KG. LAYANG-LAYANG	122	144.46
6	KG. RANCHA-RANCHA	10	16.25
7	MUKIM BANDAR LABUAN	1	1.61
8	MUKIM KG. BATU ARANG	36	56.84
9	MUKIM KG. BATU MANIKAR	29	42.16
10	MUKIM. KG. BEBULOH	58	82.54
11	MUKIM LG. BUKIT KALAM	60	108.00
12	MUKIM KG. BUKIT KUDA	32	45.16
13	MUKIM KG. GERSIK	8	21.64

14	MUKIM KG. KERUPANG 1, 2, & 3	36	48.82
15	MUKIM KG. KILAN/ PULAU AKAR	47	74.40
16	MUKIM KG. LUBOK TEMIANG	134	172.72
17	MUKIM KG. PANTAI	21	35.46
18	MUKIM KG. POHON BATU	37	65.06
19	MUKIM KG. SGBANGAT	92	103.45
20	MUKIM KG. SG BEDAUN	79	110.20
21	MUKIM KG. SG BUTON/ KG. SG. SEMBILANG	68	152.97
22	MUKIM KG. SG. KELING	51	77.09
23	MUKIM KG. SG. LABU	83	162.58
24	MUKIM KG. SG LADA	111	238.70
25	MUKIM KG. SG MIRI/ SG PAGAR	11	97.10
26	MUKIM KG. TANJUNG ARU	29	31.44
JUMLAH W.P LABUAN		1,285	2,075.07

SARAWAK

BIL.	BAHAGIAN	BIL. LOT	LUAS (ha)
1	KUCHING		1,802.50
2	SAMARAHAN		17,630.90
3	SRI AMAN		1,875.70
4	BETONG		3,210.20
5	SIBU		1,283.40

6	KAPIT		40.50
7	MUKAH		6,168.30
8	SARIKEI		815.00
9	MIRI		937.90
10	BINTULU		550.10
11	LIMBANG		631.80
JUMLAH NEGERI SARAWAK		-	34,946.30

(b) Pembangunan tanah terbiar dilaksanakan melalui program atau projek sedia ada Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) seperti Projek Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian, Program Pengairan Padi, Sistem Pengeluaran Padi Aerob, Program Pertanian Pertubuhan Peladang Kawasan dan Projek Penanaman Nanas. Selain itu, tanah terbiar tersebut juga dibangunkan oleh pengusaha melalui proses pepadanan dengan pemilik tanah. Pada tahun 2014, sebanyak 1,760.82 hektar telah dibangunkan melalui program atau projek Jabatan/Agensi MOA manakala 140 hektar dibangunkan melalui proses pepadanan antara pengusaha dengan pemilik tanah. Di bawah RMKe11, MOA telah mengemukakan permohonan peruntukan khusus sebanyak RM140 juta bagi membangunkan tanah terbiar tersebut melibatkan kawasan seluas 7,000 hektar.